

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH

TARIKH : 18.10.2016

SOALAN : NO. 13

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah terdapat sebarang kekangan yang dihadapi oleh Kementerian untuk meneruskan dan mengembangkan lagi pelaksanaan program MyBrain15.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program *MyBrain15* adalah usaha Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk memberi peluang kepada rakyat Malaysia bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam menghadapi cabaran ekonomi yang dinamik. Ia juga dapat memenuhi aspirasi Kerajaan ke arah memperkasakan lagi pembangunan modal insan untuk menjadi negara maju.

Dalam memenuhi keperluan ini, Kerajaan telah menyediakan penajaan kepada 54,035 orang di bawah program *MyBrain15* bermula tahun 2011 sehingga 31 Ogos 2016 dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM 800.2 juta. Pelaksanaan program *MyBrain15* telah dibuat penambahbaikan dari semasa ke semasa bagi memastikan sumber manusia yang dibangunkan adalah berpengetahuan tinggi sebagai pemangkin kepada penyelidikan, pembangunan dan inovasi.